

PERLAKSANAAN *SULH* DAN KEBERKESANANNYA DI MAHKAMAH SYARIAH SELANGOR

Siti Noraini Binti Haji Mohd Ali* dan Zulkifli Hasan*

ABSTRAK

Sesungguhnya Islam menganjurkan perdamaian terhadap apa saja pertikaian berdasarkan konsep redha meredhai dan tolak ansur. Sulh merupakan salah satu kaedah perdamaian yang efektif kepada masyarakat selain kaedah perbicaraan di Mahkamah yang sering berlanjutan dan mengambil yang lama serta kos yang tinggi. Keberkesanan pelaksanaan Sulh di Mahkamah Syariah Selangor membuktikan bahawa kaedah ini mampu untuk mengurangkan masalah kes tertangguh yang membelenggu Mahkamah Syariah selama ini. Dengan pelaksanaan Sulh, dibuktikan bahawa imej Mahkamah Syariah dapat dinaikkan melalui peningkatan kes berjaya diselesaikan.

1.0 PENDAHULUAN

Konsep penyelesaian pertikaian di luar Mahkamah semakin hari semakin mendapat sambutan daripada masyarakat. Kaedah *Sulh* telahpun diperkenalkan dan dilaksanakan di Mahkamah Syariah di Malaysia. Kaedah *Sulh* telah diperkenalkan di Selangor pada tahun 2001¹ di mana ianya mengutamakan instrumen penyelesaian pertikaian secara perdamaian. Kaedah ini merupakan alternatif kepada kaedah perbicaraan yang kebiasaannya memakan masa yang lama dan melibatkan kos yang tinggi. Selain Mahkamah Syariah melaksanakan *Sulh*, Majlis Peguam juga telah lebih dahulu menubuhkan Pusat Mediasi pada tahun 1999.

Kaedah *Sulh* boleh dilaksanakan dalam pelbagai bentuk tetapi bergantung kepada tuntutan atau permohonan yang dibawa oleh pihak bertikai. Ini termasuk rundingcara atau kaunseling rumahtangga, *Hakam* dan Jawatankuasa Pendamai dalam isu *syiqaq* atau perbalahan dalam masalah rumahtangga dan Majlis *Sulh* atau Mediasi. Majlis *Sulh* boleh dihadiri oleh pihak-pihak itu sendiri atau dihadiri sama peguam syarie. Tuntutan atau permohonan yang dibuat mestilah melibatkan hak dan tanggungjawab dalam hal ehwal kekeluargaan Islam di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah.

* Pegawai Sulh di Mahkamah Rendah Syariah, Gombak, Selangor.

* Pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-undang, Kolej Universiti Islam Malaysia.

¹ “*Sulh produk baru Mahkamah Syariah*”, Berita Harian, 17 September 2002.

Dalam membincangkan pelaksanaan *Sulh* dan keberkesanannya di Mahkamah Syariah di Selangor, rujukan akan dibuat kepada peruntukan undang-undang sedia ada dan ini termasuk Enakmen Tatacara Mal Syariah Selangor 2003, Kaedah-kaedah Tatacara Mal (Sulh) Selangor 2001 (KTMSS01), Manual Kerja Sulh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dan Pekeliling Ketua Hakim MSS 1/2002.

2.0 PERSPEKTIF SYARAK

2.1 Definisi *Sulh*

Sulh mempunyai beberapa pentakrifan. Pada dasarnya definisi ini boleh dikategorikan kepada dua pentakrifan iaitu berdasarkan hukum syara' dan undang-undang Islam yang dikuatkuasakan di Selangor.

Sulh menurut bahasa diertikan sebagai “*penamatan sesuatu pertikaian*”² atau “*berbuat baik*”. Manakala menurut istilah syara' pula adalah “*suatu aqad yang dengannya tamat sesuatu pertikaian*”³. *Majallah Al-Ahkam Al-Adliyyah*, al-Sheikh Nazzam dan Qadri Basha menerangkan sulh ialah akad yang menamatkan pertikaian secara sukarela dan redha meredhai.⁴

Ada juga yang merujuk *Sulh* dalam terma yang lain iaitu Mediasi. Mediasi boleh didefinisikan sebagai “*proses di mana satu pihak (pihak ketiga atau mediator) membantu dua pihak yang bertikai antara satu sama lain berunding dan mencapai penyelesaian secara damai*”. Ini bermakna mediasi merupakan ‘perundingan secara terpimpin’ (assisted negotiation) secara langsung kepada pihak-pihak yang bertikai oleh mediator’⁵.

² Al-Bajuri, Ibrahim, *Hashiyah Bajuri al-Haramian*, Vol. 1, hlm. 271.

³ Al-Khateeb al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, jld. 2, hlm. 177

⁴ Raihanah Azahari, *Sulh dalam Perundangan Islam*, Kertas Kerja Seminar Isu-isu Mahkamah Syariah VII, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 29 Januari 2005, hlm 4.

⁵ Salleh Buang, Kertas Kerja Kursus Mediasi Mahkamah Syariah selangor Darul Ehsan, 22-24 April 2002 di Hotel quality, Shah Alam, hlm. 2.

Dari segi undang-undang yang dirujuk di Negeri Selangor, tiada peruntukan yang mendefinisikan *Sulh* dengan jelas. Namun demikian terdapat peruntukan mengenai *Sulh* dan meletakkan bahawa sulh itu dalam suatu bentuk proses berdasarkan prosedur tertentu⁶ yang digalakkan⁷.

Berdasarkan definisi yang diberikan di atas, dapat disimpulkan bahawa *Sulh* merupakan keputusan atau hasil dari suatu perdamaian atau persetujuan oleh pihak-pihak yang bertikai atau bersengketa hasil dari proses mediasi.

Majlis *Sulh* merupakan suatu proses perundingan dipimpin yang dijalankan sesuai dengan peraturan yang diperuntukkan oleh hukum syara' dan undang-undang bagi tercapainya *Sulh*. Kaedah *Sulh* ini bukan sahaja dapat menjimatkan kos dan masa malahan dapat menyelesaikan sesuatu pertikaian secara terbuka dan sukarela, bukannya melepaskan dendam.

Rumusan yang boleh diberikan mengenai pentakrifan *Sulh* yang diamalkan di Mahkamah Syariah dari sudut undang-undang dan praktikalnya *Sulh* merupakan suatu kaedah penyelesaian secara damai dan redha meredhai di mana pihak-pihak bertikai terhadap sesuatu tuntutan atau permohonan menghadiri satu proses perbincangan di dalam suatu majlis perundingan yang dipimpin secara rasmi, yang diatur oleh pegawai Mahkamah. Sebarang penyelesaian yang dicapai oleh kedua-dua belah pihak akan direkodkan di hadapan hakim dan dijadikan suatu perintah di mana keputusan ini adalah mengikat.

2.2 Pandangan Syara'

Islam sememangnya menggalakkan amalan *Sulh* berdasarkan sifatnya yang mengutamakan perdamaian secara redha meredhai. Terdapat dalil-dalil yang jelas dalam *al-Quran*, *al-Sunnah* dan pendapat fuqaha' yang menyeru ke arah pelaksanaan *Sulh*.

⁶ S.88-S.91 Enakmen Kanun Prosedur Mal Syariah Selangor (1991) dan Kaedah –kaedah Tatacara Mal (Sulh) Selangor 2001.

⁷ S.87 Enakmen Kanun Prosedur Mal Syariah Selangor (1991) / S. 99 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003.

Al-Quran secara nyata menganjurkan perdamaian sepertimana Firman Allah S.W.T di dalam *Surah al-Hujurat* ayat 9: “Dan jika dua puak dari orang-orang yang beriman berperang, maka damaikanlah diantara keduanya”⁸. Allah S.W.T. juga berfirman di dalam *Surah al-Nisa*’ ayat 128 yang bermaksud: “ Dan jika seorang perempuan bimbang akan timbul dari suaminya nusyuz (kebencian) atau tidak melayaninya, maka tiadalah salah bagi mereka (suami isteri) membuat perdamaian diantara mereka berdua (secara yang sebaik-baiknya) kerana perdamaian itu lebih baik (bagi mereka daripada bercerai berai)”⁹.

Rasulullah SAW juga amat menggalakkan umatnya untuk mencari perdamaian dan mengelakkan pertikaian sesama sendiri. Peristiwa Rasulullah menyelesaikan pertikaian di antara pembesar Quraysh mengenai hak untuk meletakkan *Hajr al-Aswad* membuktikan amalan *Sulh* ini benar-benar dianjurkan oleh Islam. Malahan baginda sendiri menganjurkan penyelesaian pertelingkahan secara *Sulh* walaupun baginda mempunyai kemampuan untuk menyelesaikan sesuatu permasalahan secara bersendirian.

Rasulullah juga menunjukkan kecenderungannya kepada penyelesaian secara *Sulh* melalui hadith yang diriwayatkan oleh Ummu Salamah, yang bermaksud: *Saya hanya seorang manusia biasa dan kamu membawa kepada saya pertikaian antara kamu. Andainya satu pihak antara kamu mengemukakan tuntutan dengan cara yang lebih menarik dan pihak lain sehingga saya memberi keputusan yang tidak benar kepada pihak itu, iaitu memberi hak satu saudara ke saudara yang lain, ia harus tidak menerimanya sebab itu adalah sebahagian dari neraka*¹⁰. Hadith ini dengan jelas membuktikan bahawa Rasulullah lebih menyukai penyelesaian pertikaian yang di buat secara sukarela sesama pihak bertikai daripada membuat keputusan melalui kaedah perbicaraan.

⁸ *Mushaf Malaysia Rasm Uthmani, Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*, Diterjemah oleh Sheikh Abdullah Basmeih dan disemak oleh Datuk Haji Muhammad Noor Haji Ibrahim, Darul Fikir, Kuala Lumpur, 2001.

⁹ *Ibid.*

¹⁰ *Sahih al-Bukhari*, Jilid 3.

Ulama bersepakat dan menggalakkan amalan *Sulh* dilaksanakan di dalam kes-kes yang dibenarkan menurut al-Quran dan al-Sunnah. Hadis Riwayat al-Tarmizi dari Amru bin ‘Awf Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud “ *Sulh, hukumnya adalah harus di antara orang Islam melainkan menjadi haram jika ianya mengharamkan apa yang dihalalkan dan menghalalkan apa yang diharamkan dan sebenarnya orang Islam itu terikat dengan janjinya kecuali dalam perkara yang mengharamkan apa telah dihalalkan dan sebaliknya*”¹¹. Sulh juga dibenarkan sekiranya perkara itu melibatkan hak manusia (*haq al-ibad*) dan tidak dibenarkan di dalam kes yang melibatkan hak Allah seperti *hudud*.

Menurut *Kitab al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuhu*¹², jumhur ulama’ berpendapat, terdapat empat rukun *Sulh* iaitu dua orang yang beraqad, sighth, perkara yang dipertikaikan dan ganti sulh. Manakala dari rukun-rukun tersebut terdapat tiga syarat *Sulh* iaitu :

1) Syarat berkaitan pihak-pihak yang berdamai

- a) Iaitu orang yang layak dan sah mendermakan hartanya. Jika ia dibuat oleh orang yang tidak layak seperti orang gila atau kanak-kanak atau penjaga anak yatim atau nazir harta wakaf, maka sulhnya tidak sah kerana ia merupakan derma, sedangkan mereka tidak memilikinya.
- b) Sungguhpun demikian, *Sulh* penjaga anak yatim atau nazir harta wakaf adalah sah jika *Sulh* yang dibuat oleh mereka boleh mendatangkan kebaikan bagi anak yatim dan harta wakaf.

2) Syarat bagi sesuatu yang dijadikan *Sulh*

- a) Ia merupakan harta yang boleh dinilai dan dapat dibuat penyerahan atau sesuatu yang berharga.
- b) Ia diketahui wujud dan tidak dipertikaikan tentang kewujudannya bagi melaksanakan penerimaan serta penyerahan.

¹¹ Al-Sana’ani, 2000, *Subul al-Salam*. Jil 3. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, hlm 59.

¹² Sheikh Ghazali bin Haji Abdul Rahman, *Sulh Dalam Perundangan Islam*, Jurnal Undang-undang IKIM, Vol. 4 No.2 (Julai-Disember 2000), hlm. 11-12.

3) Syarat bagi hak yang dipertikaikan.

- c) Ia merupakan harta yang boleh dinilai atau sesuatu yang bermanfaat.
- d) Ia merupakan hak seseorang yang harus ditukar ganti sekalipun bukan berbentuk harta seperti qisas.
- e) Hak Allah tidak sah untuk dijadikan *Sulh* seperti hadd zina dan minum arak.

Daripada rukun dan syarat tersebut, kesannya seandainya *Sulh* telah dipersetujui ianya adalah bersifat mengikat dan tidak boleh diubah tanpa persetujuan dan tidak boleh didengar dakwaan yang menuntut buat kali kedua. Namun demikian penyelesaian yang dibuat di Majlis *Sulh* boleh di bawa ke Mahkamah sekiranya terdapat ketidaktelusan, penipuan, kesilapan dan sebagainya yang mengakibatkan ketidakadilan kepada sesuatu pihak.

Secara umumnya, penyelesaian melalui kaedah *Sulh* di kaca mata syara' dan yang dilaksanakan berlaku dalam dua bentuk iaitu Secara Pelepasan Hak (*Ibra'*) iaitu pemohon yang menuntut hak hanya mahu dan bersetuju mengambil atau menerima sebahagian sahaja daripada kadar tuntutan dan Secara Gantian (*Mu'awadhah*) iaitu pemohon tidak mengambil haknya yang dituntut tetapi bersetuju digantikan dengan bentuk lain.

3.0 PERLAKSANAAN *SULH*

Perlaksanaan *Sulh* yang digunakan di Mahkamah Syariah Selangor adalah berdasarkan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 1/2003, Enakmen Kanun Prosedur Mal Syariah (Negeri Selangor) No. 7/1991 dan Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) No.4/2003 (KTMSS01 belum diperbaharui mengikut Enakmen 2003), Kaedah-kaedah Tatacara Mal (Sulh) Selangor 2001, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2/2003 Manual Kerja Sulh JKSM dan Pekeliling Ketua Hakim MSS 1/2002 (Kod Etika Pegawai Sulh dan Manual Kerja Sulh MSS), Pekeliling Ketua Hakim MSS 9/2002 [Bidangkuasa Pegawai Sulh (Hakim)], Arahan Amalan JKSM 3/2002 (Pemakaian Sulh), Arahan Amalan JKSM 7/2002 (Cara

menyimpan dan Melupuskan Catatan Pegawai Sulh) dan Arahan Amalan JKSM 8/2002 (Prosedur Penyerahan Notis Sulh).

Undang-undang yang tersebut di atas menjadi garis panduan kepada pihak yang mengendalikan Majlis *Sulh*. Prosedur *Sulh* mesti dipatuhi bagi memastikan proses penyelesaian pertelingkahan ini akan dapat dilaksanakan dengan lancar dan berjaya.

3.1 PROSEDUR *SULH*

Pegawai *Sulh* perlu memberikan perhatian dan mematuhi prosedur *Sulh* seperti yang termaktub di dalam Manual Kerja Sulh JKSM dan Pekeliling Ketua Hakim MSS 1/2002 (Kod Etika Pegawai Sulh dan Manual Kerja Sulh MSS), Pekeliling Ketua Hakim MSS 9/2002 [Bidangkuasa Pegawai Sulh (Hakim)], Arahan Amalan JKSM 3/2002 (Pemakaian Sulh), Arahan Amalan JKSM 7/2002 (Cara menyimpan dan Melupuskan Catatan Pegawai Sulh) dan Arahan Amalan JKSM 8/2002 (Prosedur Penyerahan Notis Sulh). Prosedur sulh akan bermula dari pendaftaran dan akan berakhir sehingga selesai kes tersebut di Mahkamah.

a) Kes Didaftarkan Di Mahkamah

Prosedur di dalam pendaftaran kes di Mahkamah diikuti seperti biasa menurut bidangkuasa Mal Mahkamah sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 61 dan 62 Enakmen Pentadbiran Agama Islam No.1/2003, seksyen 2(1), 4, dan 45 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 2003.

b) Pendaftar Menilai Kes Bicara Atau Kes *Sulh*

Pendaftar sebenarnya memainkan peranan yang begitu penting di Mahkamah. Seorang Pendaftar akan menentukan proses perjalanan kes dan menapis kes-kes yang di rasakan boleh dirujuk kepada Majlis *Sulh* atau dibawa terus ke Mahkamah untuk perbicaraan. Aturan 3 Kaedah-kaedah Tatacara Mal (Sulh) Selangor 2001 menetapkan Pendaftar

bertanggungjawab dalam menentukan sesuatu tuntutan atau permohonan itu boleh melalui kaedah sulh atau tidak.

Tuntutan atau permohonan yang boleh diselesaikan melalui kaedah *Sulh* boleh diklasifikasikan kepada dua iaitu pertama, tuntutan atau permohonan menurut enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 2/2003 dan kedua, tuntutan atau permohonan selain yang melibatkan Undang-undang Keluarga Islam Selangor 2003 yang diperuntukkan dalam bidangkuasa asal Mal Mahkamah Syariah Selangor di dalam Seksyen 61(3) (b) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor No. 1/2003.

Tuntutan atau permohonan menurut enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 2/2003 adalah seperti tuntutan kerana melanggar janji untuk berkahwin atau pertunangan, Tuntutan berbangkit dari suatu perceraian seperti Mut'ah, Nafkah Iddah, Nafkah Tertunggak, Harta Sepencarian, Hutang Mas Kahwin dan lain-lain yang difikirkan munasabah, hak Jagaan Anak (*Hadhanah*) dengan melihat kepentingan anak-anak tersebut dalam tempoh perkahwinan, mahupun selepas perceraian, Nafkah Anak dan lain-lain perkara yang difikirkan sesuai oleh Pendaftar¹³.

c) Setelah Kes Sulh Dikenalpasti, Notis *Sulh* Dikeluarkan

Aturan 3 Kaedah-kaedah Tatacara Mal (Sulh) Selangor 2001 menyatakan bahawa Pendaftar hendaklah mematuhi prosedur berikut:-

i) Tidak memberi tarikh bicara dalam tempoh tiga bulan dari tarikh pendaftaran

Jangkamasa tiga bulan merupakan tempoh biasa untuk sesuatu penyelesaian yang melibatkan Majlis *Sulh* secara Berkala. Sekiranya penyelesaian dapat dibuat dengan lebih cepat, persetujuan kedua-dua belah pihak boleh dibawa terus ke hadapan hakim untuk direkodkan dan dijadikan perintah. Manakala jika

¹³ Seksyen 51, 58, 60, 69, 122, 59, 82, 74 dan 99 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 2/2003.

sebaliknya masa tiga bulan tersebut boleh dipanjangkan tanpa terikat dengan tarikh perbicaraan yang ditentukan dengan membuat permohonan di Mahkamah. Ini bersesuaian dengan Aturan 6 Kaedah-kaedah Tatacara Mal (Sulh) Selangor 2001, Seksyen 88 Enakmen Kanun Prosedur Mal Syariah (Negeri Selangor) No. 7/1991 dan Seksyen 94 Enakmen Tatacara Mal Syariah Selangor 2003.

ii) Menentu tarikh *Sulh*

Arahan Amalan JKSM 2/2001 telah menetapkan tarikh bagi sesuatu Majlis *Sulh* ialah dalam tempoh 21 hari dari tarikh pendaftaran. Tempoh ini perlu dipatuhi bagi memastikan kurangnya kes tertunggak dan aduan kelewatan kes di Mahkamah.

iii) Mengeluarkan Notis Sulh bagi memastikan kehadiran pihak-pihak

Setelah Pendaftar menetapkan tarikh Majlis *Sulh*, Notis *Sulh* hendaklah dikeluarkan dan diserahkan mengikut kaedah serahan saman (Arahan Amalan JKSM 3/2003) kepada pihak-pihak bagi memastikan kehadiran pihak-pihak pada tarikh dan waktu tersebut. Prosedur ini hampir sama dengan prosedur serahan saman yang terkandung di dalam seksyen 41 Enakmen Tatacara Mal Syariah Selangor 2003.

d) Kehadiran Pihak-Pihak Ke Majlis Sulh

Aturan 2 Kaedah-kaedah Tatacara Mal (Sulh) Selangor 2001 menetapkan bahawa Pengerusi Majlis Sulh adalah orang yang ditugaskan oleh Mahkamah sahaja. Aturan 5 Kaedah-kaedah Tatacara Mal (Sulh) Selangor 2001, Majlis *Sulh* hendaklah dibuat dalam Majlis khusus kerana seboleh-bolehnya akan dibuat di dalam ruangan khas dengan kehadiran pihak-pihak dan pengerusi sahaja. Orang awam tidak dibenarkan menghadiri Majlis *Sulh*.

Kini, ruangan khas tersebut dikenali sebagai Bilik Majlis *Sulh* dilengkapi dengan sebuah meja bulat atau bujur dan kerusi untuk perbincangan tiga hala. Ini bagi memastikan perbincangan tersebut dapat dilaksanakan di dalam suasana yang lebih selesa, dari mata ke mata dan semua pihak dapat meluahkan isi hati dengan perasaan terbuka. Suasana Majlis *Sulh* adalah amat berbeza dengan keadaan dan situasi perbicaraan di dalam Mahkamah. Perbicaraan akan di hadiri oleh orang awam, Peguam Syarie, para wartawan dan sebagainya yang menjadikan suasana tidak menyoal.

Aturan 5(1) dan (3) Kaedah-kaedah Tatacara Mal (Sulh) Selangor 2001 memperuntukkan kehadiran pihak-pihak terlibat sahaja di hadapan Pengerusi tanpa wakil atau peguam Syariannya jika ada di dalam Majlis *Sulh* kecuali dengan kebenaran Pengerusi. Di dalam proses ini pihak yang mengendalikan Majlis *Sulh* perlu mematuhi Manual Kerja Sulh.

e) Keputusan Majlis *Sulh* Sama Ada Berjaya Atau Perlu Dibawa Kepada Perbicaraan.

Setelah selesai Majlis *Sulh*, keputusan *Sulh* ditetapkan sama ada ianya berakhir dimana pihak-pihak dapat menamatkan Majlis *Sulh* dengan penyelesaian tuntutan atau perlu dibawa kepada perbicaraan. Walau bagaimanapun, berjaya atau tidak bukanlah ukuran utama bagi *Sulh* ini, tetapi ianya kembali kepada matlamat Majlis Sulh iaitu mewujudkan satu proses yang adil bagi kedua-dua pihak membuat perundingan, bukan sekadar mencapai atau mewujudkan suatu penyelesaian tertentu. Atau dengan kata lain ialah fokus utama Majlis *Sulh* ialah kepada “perjalanan” proses *Sulh* itu, bukan hanya kepada “destinasinya”¹⁴.

Ini kerana, pihak-pihak di dalam Majlis *Sulh* wajib hadir dan faham isi kandungan Majlis Sulh tetapi tidak akan dipaksa membuat keputusan. Sebarang unsur paksaan atau

¹⁴ Abu Bakar bin Haji Mohd Daud, *Sulh: Perlaksanaan dan Isu (Pengalaman di Mahkamah Syariah Selangor)*, Kertas Kerja kursus di Institut Latihan Islam Malaysia, 19 Februari 2003

pengaruh di dalam sebarang keputusan boleh menjadikan keputusan Majlis Sulh tidak mengikat.

Pada dasarnya, penyelesaian melalui kaedah *Sulh* berlaku dalam tiga bentuk iaitu *ibra'*, *mu'awadhah* dan gabungan kedua-dua kaedah tersebut di mana ada pemohon bersetuju untuk menggugurkan sebahagian atau keseluruhan tuntutan tetapi digantikan atau tidak digantikan dengan perkara yang lain.

Bagi Majlis *Sulh* yang berjaya pesetujuannya baik sebahagian atau keseluruhannya akan dibawa ke hadapan hakim untuk direkodkan sebagai perintah Mahkamah. Sebarang persetujuan yang dicapai hendaklah dibuat dalam bentuk Perjanjian Penyelesaian dan ditandatangani oleh pihak-pihak di hadapan Pengerusi di dalam Majlis *Sulh*, dan akan dibawa kepada hakim untuk direkodkan sebagai Perintah Mahkamah, sesuai dengan Aturan 6 Kaedah-kaedah Tatacara Mal (Sulh) Selangor 2001, Seksyen 88 Enakmen Kanun Prosedur Mal Syariah (Negeri Selangor) No. 7/1991 dan Seksyen 94 Enakmen Tatacara Mal Syariah Selangor 2003.

Seksyen 94 Enakmen Tatacara Mal Syariah Selangor 2003 menyatakan bahawa : “ *Jika dengan persetujuan pihak-pihak sesuatu tindakan telah diselesaikan, Mahkamah boleh pada bila-bila masa dengan persetujuan pihak-pihak itu merekodkan hakikat penyelesaian itu dengan terma-termanya, dan rekod penyelesaian itu hendaklah menjadi pembelaan dengan cara res judicata dalam tindakan kemudiannya bagi kausa tindakan yang sama, atau bagi kausa tindakan yang pada matanya adalah sama*”.

Bagi Majlis *Sulh* yang gagal baik sebahagiannya atau keseluruhannya akan dibawa ke hadapan Hakim untuk proses sebutan dan perbicaraan sebelum keputusan atau perintah dibuat oleh Hakim Bicara. Sesuai dengan Aturan 7 dan 8 Kaedah-kaedah Tatacara Mal (Sulh) Selangor 2001 bagi Majlis *Sulh* yang gagal iaitu kes yang perlu dibawa kepada perbicaraan, satu laporan akan dikeluarkan kepada Mahkamah untuk tindakan selanjutnya iaitu proses sebutan dan perbicaraan seperti proses kes-kes bukan *Sulh* yang lain seperti yang terdapat dalam Enakmen Tatacara Mal Syariah Selangor 2003.

3.2 PENYELESAIAN KES MELALUI MANUAL KERJA SULH

Bagi melaksanakan Kaedah Tatacara Mal (Sulh) Selangor 2001, satu Manual Kerja Sulh telah digubal untuk digunapakai dan dipatuhi oleh semua Pegawai *Sulh*. Antara objektif manual kerja ini ialah bertujuan untuk memperjelas dan menyeragamkan prosedur yang perlu diikuti oleh semua Pegawai *Sulh* dalam mengendalikan Majlis *Sulh*.

Manual Kerja Sulh ini menggariskan proses bermula dengan kenyataan awal Pegawai Sulh atau *al-Ta'aruf*, pembentangan awal pihak yang bertikai, perbincangan bersama, pertemuan sebelah pihak (*private caucus*), perundingan bersama, penghakiman berasaskan persetujuan dan kes diserahkan kembali. Manual Kerja Sulh juga mengutamakan konsep kerahsiaan bagi menjamin pelaksanaan *Sulh* dengan lebih berkesan.

Majlis *Sulh* akan dilaksanakan melalui dua cara iaitu secara Marathon atau Berkala. Pelaksanaan Majlis *Sulh* secara Marathon bermakna ianya dilaksanakan hanya dengan sekali panggilan atau perbincangan sahaja bersama pihak-pihak bertikai. Kebiasaannya ia hanya mengambil masa yang singkat dan mampu mempercepatkan kes selesai.

Majlis *Sulh* yang dijalankan secara Berkala atau bertempoh dilaksanakan lebih dari sekali sesi bergantung kepada budi bicara Pegawai *Sulh*. Tempoh pelaksanaan Majlis Sulh Berkala ini ialah dalam masa 3 bulan dan boleh dilanjutkan dengan membuat permohonan di Mahkamah. Bentuk Majlis *Sulh* ini mengambil masa yang agak lama dan memerlukan kerjasama dari pihak bertikai untuk hadir pada setiap sesi Majlis Sulh.

4.0 KEBERKESANAN PERLAKSANAAN SULH

Secara umumnya, kaedah penyelesaian melalui konsep *Sulh* telah menunjukkan kesan yang positif. Kajian Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia pada tahun 2002 mendapati

kaedah ini berjaya mengurangkan hampir 65 peratus kes di Mahkamah Syariah Selangor sejak ianya diperkenalkan pada tahun 2001¹⁵.

Berikut adalah Statistik Keseluruhan Kes *Sulh* Negeri Selangor (Dari Mei 2002-Mei 2005).

Mahkamah	Daftar	Berjaya	Bicara	Tanggung
Mahkamah Tinggi	902	342	497	63
Mahkamah Rendah	4420	3249	1090	81
Jumlah	5322	3591	1587	144
Peratus	100%	67%	30%	3%

Statistik di atas jelas menunjukkan keberkesanan penyelesaian melalui kaedah *Sulh* di Selangor. Peratusan tinggi kes berjaya diselesaikan iaitu 67 peratus daripada keseluruhan kes yang didaftarkan menggambarkan bahawa kaedah ini mendapat sambutan yang baik daripada masyarakat.

Berdasarkan pengamatan dan pengalaman, faktor utama kes berjaya diselesaikan melalui kaedah *Sulh* banyak bergantung kepada sikap dan keterbukaan pihak-pihak yang terlibat di dalam Majlis *Sulh*. Berikut ialah di antara faktor-faktor tersebut:-

- 1) Kedua-dua pihak bersungguh-sungguh untuk menyelesaikan tuntutan di luar Mahkamah.
- 2) Kedua-dua pihak sedia memberi dan menerima serta bersedia berunding secara ikhlas dan terbuka, bukannya secara emosi atau membalas dendam.
- 3) Kedua-dua pihak sedar bahawa penyelesaian adalah bagi kepentingan-kepentingan di masa hadapan.
- 4) Kedua-dua pihak sedar pro dan kontra jika kes dibawa kepada perbicaraan.

¹⁵ “*Sulh produk baru Mahkamah Syariah*”, Berita Harian, 17 September 2002. Di Melaka dari Januari 2004-September 2004, 67 peratus, di Wilayah Persekutuan dari April 2004-September 2005, 35 peratus dan di Singapura, 60 peratus kes berjaya diselesaikan melalui kaedah *Sulh*.

Kaedah *Sulh* ini juga menarik perhatian masyarakat berdasarkan kepada keunikannya iaitu kaedah ini menjanjikan penyelesaian pertikaian secara konsep situasi menang-menang (“win-win situation”) di antara pihak bertikai. Kaedah *Sulh* juga mengutamakan elemen kerahsiaan kedua belah pihak di mana ianya tidak akan di dapati sekiranya pertikaian dibicarakan di Mahkamah.

Kes yang gagal diselesaikan di peringkat Majlis *Sulh* menunjukkan peratusan sebanyak 30 peratus dan kes yang ditangguhkan pula hanya mencapai 3 peratus. Di antara faktor utama kegagalan penyelesaian melalui kaedah *Sulh* antaranya ialah:-

- 1) Salah satu pihak atau kedua-duanya tiada keupayaan untuk membuat sebarang keputusan.
- 2) Salah satu pihak atau kedua-duanya tiada komitmen sebenar untuk menyelesaikan pertikaian seperti kerap kali tidak hadir di Majlis *Sulh*.
- 3) Salah satu pihak atau kedua-duanya tiada persediaan sewajarnya.
- 4) Salah satu pihak atau kedua-duanya tiada maklumat untuk membuat keputusan.
- 5) Salah satu pihak atau kedua-duanya tiada dipengaruhi oleh pihak ketiga yang terlalu berkeras.

Terdapat juga kes-kes melibatkan pihak bertikai yang kurang toleransi dan bersikap tidak baik. Kes-kes rumit yang tidak dapat diselesaikan di antara kedua belah pihak juga mempunyai kebarangkalian yang tinggi untuk dibicarakan di Mahkamah seperti kes melibatkan banyak individu dan ahli keluarga. Kegagalan kaedah *Sulh* ini akan mengakibatkan kelewatan penyelesaian dan menambah bilangan kes di Mahkamah yang semakin hari semakin bertambah.

Kejayaan sesuatu Majlis *Sulh* banyak bergantung kepada faktor pihak bertikai. Oleh itu, setiap pihak hendaklah serius dan bersungguh-sungguh untuk mencari penyelesaian. Pihak bertikai ini hendaklah sedar tentang konsep “sifat memberi sebelum menerima”, jujur dalam memberi maklumat yang lengkap dan benar, menghormati pihak lawan dalam sesi Majlis *Sulh* yang dilaksanakan, memahami apa yang dibincangkan dalam Majlis *Sulh* dan mampu menyatakan perasaannya. Setiap pihak juga hendaklah mampu

menahan diri dari melakukan perkara-perkara yang melampau dan tidak relevan. Faktor inilah yang sebenarnya menjadi resepi kejayaan sesebuah Majlis *Sulh*.

5.0 KESIMPULAN

Kaedah *Sulh* merupakan salah satu alternatif yang efektif kepada masyarakat selain kaedah perbicaraan dan timbangtara untuk mendapatkan penyelesaian. Keberkesanan pelaksanaan *Sulh* di Mahkamah Syariah Selangor membuktikan bahawa kaedah ini mampu untuk mengurangkan masalah kes tertangguh yang membelenggu Mahkamah Syariah selama ini.

Di sebalik keberkesanan pelaksanaan *Sulh*, masih ada perkara yang perlu diberi perhatian dan penambahbaikan. Masih ramai yang tidak mengetahui fungsi *Sulh* dan ada juga keberatan untuk menyelesaikan tuntutan melalui kaedah ini.

Bagi menjamin pelaksanaan *Sulh* yang lebih berkesan, ianya amat memerlukan kepada peranan yang dimainkan oleh kesemua pihak yang terlibat. Pihak-pihak bertikai perlu rela untuk mencari jalan penyelesaian dan berfikiran terbuka serta ada sifat redha meredhai. Manakala pihak yang mengendalikan Majlis *Sulh* perlulah memahami fungsi dan tanggungjawab serta berpegang kepada etika yang ditetapkan. Dalam hal ini Latihan yang lebih mantap perlu dilaksanakan seperti menjalin kerjasama dengan Pusat Mediasi Majlis Peguam Malaysia yang mempunyai pengalaman luas melaksanakan kaedah Mediasi. Di samping itu para peguam juga perlulah menggalakkan anak guamnya untuk menyelesaikan tuntutan melalui kaedah *Sulh*.

Berdasarkan perbincangan di atas, dengan ini jelaslah *Sulh* merupakan antara cara rundingan yang terbaik dan terpinpin dalam menyelesaikan sesuatu konflik sejajar dengan ajaran Islam. Keberkesanan pelaksanaannya di Selangor dapat dilihat melalui peratusan yang tinggi kes berjaya diselesaikan. Namun begitu masih terdapat ruang-ruang yang masih perlu di beri penambahbaikan terhadap pelaksanaan *Sulh* di Malaysia. Dalam hal ini, usaha-usaha untuk memantapkan dan menyelaraskan kaedah-kaedah *Sulh*

di seluruh negeri di Malaysia perlu dilaksanakan demi memudahkan pentadbiran Mahkamah Syariah dalam mengendalikan kes-kes yang di bawa ke Mahkamah dan akan menyegerakan penyelesaian kes-kes tersebut dengan baik dan berkesan.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Abu Bakar bin Haji Mohd Daud, *Sulh : Perlaksanaan dan Isu (Pengalaman di Mahkamah Syariah Selangor)*, Kertas Kerja Kursus di Institut Latihan Islam Malaysia, 19 Februari 2003.

Al-Bajuri, Ibrahim, *Hashiyah Bajuri al-Haramian*, Vol. 1.

Al-Khateeb Al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, Jld. 2.

Al-Sana'ani, 2000, *Subul al-Salam*. Jil 3. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Atras Mohamad Zin, *Amalan dan Permasalahan Sulh di Jabatan Kehakiman Syariah Selangor*, Kertas Kerja Seminar Isu-isu Syariah VII, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 29 Januari 2005.

Raihanah Azahari, *Sulh dalam Perundangan Islam*, Kertas Kerja Seminar Isu-isu Mahkamah Syariah VII, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 29 Januari 2005.

Sahih al-Bukhari, Jilid 3.

Salleh Buang, *Kertas Kerja Kursus Mediasi Mahkamah Syariah selangor Darul Ehsan*, pada 22-24hb. April 2002 di Hotel quality, Shah Alam.

Sheikh Ghazali bin Haji Abdul Rahman, *Sulh Dalam Perundangan Islam*, dalam Jurnal Undang-undang IKIM, Vol. 4 No.2 (Julai-Disember 2000).

Sheikh Ghazali bin Haji Abdul Rahman, “*Sulh dan Hakam dalam Undang-undang Keluarga Islam*”, dlm Abd Monir Yaacob (Peny.), 1998, *Undang-undang Islam dan dan Wanita di negara-negara ASEAN*. Kuala Lumpur: IKIM.

“*Sulh produk baru Mahkamah Syariah*”, Berita Harian, 17 September 2002.

Akta/Enakmen/Arahan Amalan/ Kaedah

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 1/2003.

Enakmen Kanun Prosedur Mal Syariah (Negeri Selangor) No. 7/1991

Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) No.4/2003 (KTMSS01 belum diperbaharui mengikut Enakmen 2003).

Kaedah-kaedah Tatacara Mal (Sulh) Selangor 2001.

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2/2003.

Manual Kerja Sulh JKSM dan Pekeliling Ketua Hakim MSS 1/2002 (Kod Etika Pegawai Sulh dan Manual Kerja Sulh MSS).

Pekeliling Ketua Hakim MSS 9/2002 [Bidangkuasa Pegawai Sulh (Hakim)].

Arahan Amalan JKSM 3/2002 (Pemakaian Sulh).

Arahan Amalan JKSM 7/2002 (Cara menyimpan dan Melupakan Catatan Pegawai Sulh).

Arahan Amalan JKSM 8/2002 (Prosedur Penyerahan Notis Sulh).